

## Harap pembekalan vaksin tidak tergendala

**GEORGETOWN** - Kerajaan negeri berharap pelan pembukaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) tambahan yang dilaksanakan akan mencapai 19,210 kapasiti pemberian vaksin harian ke seluruh negeri ini seperti dirancang.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow berkata, pihaknya turut berharap Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) tidak lagi menghadapi masalah dengan pembekalan vaksin seperti dinyatakan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin Abu Bakar sebelum ini.

"Sebahagian PPV telah dibuka, sebahagian lagi akan dibuka dan sebahagian lain dalam perancangan untuk dibuka kelak.

"Apabila semua PPV dibuka seperti dirancang, kita menyeru JKJAV supaya memastikan pembekalan vaksin ke ne-

geri ini tidak lagi tergendala," katanya ketika ditemui pemberita selepas mengadakan lawatan ke PPV tambahan di Tapak Pesta Pulau Pinang, Sungai Nibong, di sini pada Khamis.

Hadir sama, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin, Pegawai Kesihatan Daerah Timur Laut, Datin Dr Azizah Abdul Manan dan Pegawai Daerah Timur Laut, Rosli Halim.

Kon Yeow berkata, pihaknya akan memastikan perancangan membuka PPV tambahan khusus untuk barisan hadapan ekonomi iniut mereka yang bekerja dalam sektor industri negeri turut berjalan lancar.

Sementara itu, Dr Azizah berkata, pengoperasian PPV tambahan berkenaan mampu memberi vaksin sehingga 1,700 orang setiap hari.



Kon Yeow (dua dari kanan) ketika meninjau PPV Tapak Pesta Sungai Nibong pada Khamis.